

## **030 PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL MELALUI PRINSIP MAQASID AL-SHARIAH: ANALISIS TERHADAP POLISI DAN ORIENTASI PROGRAM PEMBANGUNAN DI BANK PEMBANGUNAN ISLAM (BPI).**

**Fakhri Sungit, Hairullfazli Mat Som**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

*fakhri@kuis.edu.my, hairullfadzli@kuis.edu.my*

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui dengan mendalam tentang konsep pembangunan dalam Islam melalui prinsip *Maqasid al-Shariah*. Dalam prinsip ini, pembangunan perlu dinilai melalui dimensi yang menyeluruh termasuk aspek material dan bukan material supaya objektif *Shariah* iaitu keadilan sosial dapat dicapai. Ini bertujuan untuk memelihara dan menjaga kepentingan awam terutamanya dalam perkara *daruriyyat* iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Oleh yang demikian, analisis pembangunan dalam Islam ini dilakukan terhadap institusi kewangan Islam di bawah Organisasi Kerjasama Islam (OIC) iaitu Bank Pembangunan Islam (BPI) yang berperanan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial umat Islam khususnya di negara Islam dan juga umat Islam yang berada di negara bukan Islam mengikut hukum *Shariah*. Dengan kewujudan bank ini sejak 1975, ianya memberikan harapan kepada umat Islam agar taraf hidup mereka akan dapat ditingkatkan dan mengecapi keadilan dalam pembangunan ekonomi dan sosial. Sebagai sebuah institusi kewangan yang bersifat bank pembangunan dan tidak berorientasikan keuntungan (non-profitable bank), bank ini telah menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan ekonomi dan sosial melalui agenda bank iaitu visi pembangunan umat Islam tahun 2020 (IDB 1440H Vision (2020)) yang telah dilancarkan pada tahun 2005. Di sepanjang tempoh itu, BPI telah merencana dan menjalankan polisi pembangunan untuk mencapai objektif yang telah mereka sasarkan pada tahun 2020. Oleh itu, analisis terhadap polisi dan orientasi program pembangunan oleh BPI ini dilakukan untuk menilai sama ada ianya selaras dengan konsep pembangunan dalam Islam melalui prinsip *Maqasid al-Shariah* atau pun tidak. Petunjuk-petunjuk ekonomi dan sosial serta hasil daripada program yang telah dilakukan juga akan dianalisis untuk menilai kejayaan program pembangunan yang telah dijalankan. Metodologi kajian ini melibatkan kajian perpustakaan di mana semua maklumat-maklumat tentang Bank dan operasinya diambil daripada sumber-sumber seperti laporan tahunan bank, kajian-kajian lepas, dan laporan daripada institusi penyelidikan antarabangsa. Manakala kajian ini melibatkan metod diskriptif dalam menganalisis data.

*Keyword: Bank Pembangunan Islam, OIC, Maqasid al-Shariah, masalahah, daruriyyat, hajjiyyat, tahsiniyyat, pembangunan, ekonomi, sosial, al-falah, Visi 1440H.*

## **PENGENALAN**

Pelan pembangunan ekonomi dan sosial telah menjadi agenda yang penting di negara-negara Islam. Ini merujuk kepada usaha yang dilakukan oleh Organisasi Kerjasama Islam (OIC) melalui penubuhan Institusi Pembangunan Kewangan dan Ekonomi pada tahun 1972. Penubuhan Institusi ini adalah untuk bertindak sebagai agen penggerak kepada perubahan kewangan dan ekonomi umat Islam khususnya di negara-negara Islam.<sup>1</sup> Hasil daripada penubuhan institusi tersebut, maka timbullah idea untuk menubuhkan sebuah bank pembangunan sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi di dunia Islam. Pada tahun 1973, masyuarat di antara menteri-menteri kewangan di kalangan negara-negara anggota telah menubuhkan Bank Pembangunan Islam (BPI). Namun Bank ini telah dibuka secara rasmi pada tahun 1975 selepas persidangan di antara ahli-ahli majlis tertinggi OIC pada 20 Oktober 1975.<sup>2</sup> Kewujudan BPI ini adalah selaras dengan matlamat dan kehendak utama dalam ekonomi Islam dan *Maqasid Shariah* iaitu untuk memartabatkan keadilan sosial dan memelihara kesejahteraan sejagat.

Untuk memastikan supaya matlamat ini dapat dicapai, OIC menyedari bahawa prinsip persaudaraan dan kesatuan adalah sangat penting dalam misi pembangunan *ummah* terutama di negara-negara anggota. Di dalam kenyataan yang dilakukan oleh OIC pada masyuarat Summit Konferen ke-3 1981, bahawa umat Islam perlu bersatu dan bekerjasama dalam membangunkan umat. OIC telah mendeklarasikan:

“We consider that the innate qualities of the Muslim *Ummah* point the way to unity and solidarity, to progress and achievement, to prosperity and power. It possess the Book of God and the *Sunnah* of the Holy Prophet (peace be upon him). In them can be found a complete way of life leading us, guiding us along the path of goodness, righteousness, and salvation...It (Quran and *Sunnah*) enables us to break the shackles of subservience and mobilize in us the spiritual strength to utilize to the fullest extent our inherent capabilities”.<sup>3</sup>

Umat Islam mempunyai pegangan yang murni bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah untuk mencapai kemajuan dalam kehidupan sama ada duniawi atau ukhrawi. Dalam mencapai kemajuan, beberapa prinsip penting perlu diperkasakan sepertimana yang diterangkan di dalam al-Quran bahawa semua umat Islam itu bersaudara (Quran 49:10), sentiasa bekerjasama erat di antara satu sama lain (Quran 61:4), dan saling bantu membantu sesama Islam yang dalam kesusahan (Quran 59:9). Mushtaq (1995) menyatakan bahawa sekiranya golongan kaya sudah tidak mempunyai rasa empati kepada saudaranya yang susah, mementingkan diri sendiri dan tidak mahu untuk membantu urusan mereka, maka itu adalah petunjuk bahawa masyarakat akan

---

<sup>1</sup> OIC Resolution: 8/3. Lihat <http://www.oic-oci.org>. <Accessed on 10 October, 2012>.

<sup>2</sup> Islamic Development Bank, *Annual Report 1420H* (1999-2000), (Jeddah: Islamic Development Bank, 2000).

<sup>3</sup> <http://www/oic-oci.org/English/conf/is/3/3<sup>rd</sup>-is-sum.htm>. <Accessed on 10 October, 2012>.

runtuh pada masa akan datang.<sup>4</sup> Menyadari akan hakikat ini, kewujudan BPI adalah untuk mencapai objektifnya melalui prinsip-prinsip persaudaraan, kerjasama dan bantu-membantu sesama umat Islam agar keadilan sosial dan kesejahteraan umat akan dapat dicapai.

## **PEMBANGUNAN MENURUT ISLAM**

Kebanyakan ahli ekonomi Islam menyatakan pembangunan secara umumnya adalah merupakan proses masyarakat untuk mencapai tahap kehidupan yang sejahtera dengan meletakkan keadilan sosial sebagai teras kepada pembangunan. Ahmad (1986), Chaudry (1999), Khan (1994), Maududi (1984), Chapra (1979) dan Zaman (2008) merujuk pembangunan kepada perkataan *al-falāḥ* (kejayaan) sebagai asas kepada teori objektif-falsafah ekonomi Islam. Untuk mencapai *al-falāḥ*, objektif ekonomi hendaklah saling berkait dengan prinsip keadilan, persaudaraan dan kesatuan di kalangan masyarakat.<sup>5</sup>

Menurut Umer Chapra (1993), bahawa pembangunan dalam masyarakat adalah mustahil untuk dicapai sekiranya ia tidak berpaksikan kepada moral atau norma di dalam masyarakat. Oleh yang demikian, adalah sangat penting bahawa pembangunan sesebuah masyarakat itu selaras dengan pembangunan moral masyarakat itu sendiri.<sup>6</sup> Manakala di dalam bukunya “*Muslim Civilization: The Causes of Decline and the Need for Reform*”(2008), keadaan jatuh bangun sesuatu tamadun itu tidak terletak kepada pembangunan secara material semata-mata (seperti bangunan pencakar langit, atau bangunan yang canggih dan serba mewah), malah ia perlu dilihat melalui keadaan masyarakat itu sendiri sama ada mereka hidup dalam keadaan yang sejahtera atau sebaliknya. Beliau mengatakan:

“the rise and fall of civilizations is closely dependent on the well-being or misery of the people”.<sup>7</sup>

Ini bermakna kemajuan dan pembangunan bukan sahaja diukur dari sudut fizikal semata-mata, namun perlu dilihat secara menyeluruh termasuk pembangunan insan itu sendiri. Chapra (2008) di dalam hujahnya mengatakan bahawa peranan dan fungsi moral atau agama adalah merupakan salah satu daripada pembolehubah yang penting dalam proses kemajuan dan pembangunan sesuatu masyarakat. Malah, Nisbet (1980) pula menyarankan kesedaran agama atau “reformasi keagamaan besar-besaran” perlu dihidupkan semula supaya pembangunan dapat diteruskan dalam ketamadunan Barat. Ini merujuk kepada tesis beliau di “*History of the Idea of*

---

<sup>4</sup>Rujuk Mushtaq Ahmad, *Business Ethics in Islam*, (Pakistan, The International Institute of Islamic Thought Islamabad, 1995), 67.

<sup>5</sup> Lihat Ahmad, K., Keynote Address edited by Z. Ahmed, M. Iqbal and M.F. Khan, *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam*. (Islamabad: IPS, 1986), 339-357. Chaudhry, M.S., *Fundamentals of Islamic Economic System*. (Lahore: Burhan Education and Welfare Trust Lahore, 1999). Khan, M. A., *An Introduction to Islamic Economics* (Pakistan: Ansari International Institute of Islamic Thought and Institute of Policy Studies, 1994). Maududi, S. A. A., *Economic System of Islam*, (Lahore: Islamic Publication Ltd., 1984). Chapra, M. U., *Objectives Of The Islamic Economic Order*, (Leicester: The Islamic Foundation, 1979). Zaman, A., *Islamic Economics: A Survey of the Literature*, (UK: Religions and Development Research Programme Birmingham, 2008).

<sup>6</sup> Umer Chapra, *Islam and the Economic Challenge*, (Leicester: The International Institute of Islamic Thought, 1992), 7.

<sup>7</sup> Lihat Umer Chapra, *Muslim Civilization: The Causes of Decline and the Need for Reform*, (UK: The Islamic Foundation, 2008).

*Progress*”, bahawa ketamadunan Barat sedang mengalami kejatuhan yang membimbangkan.<sup>8</sup> Era pasca modernisasi telah mendorong Barat hidup tanpa pedoman agama dan moral, menyebabkan masyarakat hilang pertimbangan kepercayaan dan hanya bergantung kepada pembangunan material semata-mata yang akhirnya merosakkan nilai-nilai asas kemanusiaan.

Oleh yang demikian, pembangunan sesuatu masyarakat itu hendaklah bertunjangan agama, di mana keadilan hanya mampu dicapai sekiranya masyarakat itu dapat dibangunkan dari sudut material dan bukan material (agama). Kerana keadilan itu sendiri adalah sesuatu yang bersifat *divine* atau suci sepertimana yang dikehendaki sendiri oleh Islam. Ibnu Khaldun mengatakan dalam *Muqaddimah*, “keadilan itu sangat diperlukan dalam pembangunan, dan ketidakadilan akan memberikan kemusnahan kepada ketamadunan”.<sup>9</sup> Chapra (2008) dalam rumusannya menyatakan bahawa keperluan untuk merubah kefahaman kepada ajaran Islam sebenar adalah sangat penting dengan memahami konsep *Maqāsid al-Sharī‘ah*. Ini adalah kerana, prinsip ini memberi penekanan yang khusus kepada matlamat utama *Sharī‘ah* untuk menegakkan kemaslahatan umum.<sup>10</sup> Dalam aspek ini, keutamaan diberikan kepada perkara *darūriyyāt* (keperluan) yang perlu dipelihara agar masyarakat dapat menjalani kehidupan dengan sejahtera dari segi ekonomi dan sosial.

Di sini dapat dirumuskan bahawa pembangunan di dalam Islam ialah pembangunan yang meliputi aspek fizikal seperti pembangunan ekonomi, dan aspek bukan fizikal seperti pembangunan insan atau sosial. Kedua-dua aspek ini hendaklah diurustadbir dengan sistematik agar pembangunan masyarakat akan dapat dibina dengan kukuh dan seimbang. Kegagalan urustadbir pembangunan ekonomi dan sosial akan mengakibatkan masyarakat tidak dapat menjalani kehidupan yang sejahtera dan mengecapi kemakmuran, sepertimana yang terkandung melalui prinsip maqasid itu sendiri supaya hak-hak asasi manusia seperti menjaga agama, nyawa, aqal, keturunan dan harta dapat dipelihara.

## **FUNGSI BANK PEMBANGUNAN DAN MAQĀSID AL-SHARĪ‘AH**

Disiplin ilmu *Maqāsid al-Sharī‘ah* telah menjadi asas kepada kerangka ilmu pengetahuan dalam bidang kajian sains sosial Islam.<sup>11</sup> Dewasa ini, sarjana Islam dalam pelbagai bidang sains sosial menggunakan pendekatan *Maqāsid al-Sharī‘ah* kerana ianya lebih mengutamakan matlamat yang murni dalam memelihara hak-hak dan kepentingan umum.<sup>12</sup> Ini termasuk dalam bidang sains politik, kemasyarakatan, ekonomi, perbankan dan lain-lain.

Sebahagian daripada ciri-ciri Shariah ialah fleksibiliti (*al-murūnah*) dan dinamik di mana ianya sentiasa berubah mengikut kehendak masa, tempat dan suasana tanpa meminggirkan soal asas kepercayaan (akidah), undang-undang syarak, dan sistem nilai yang Islami. Ciri-ciri fleksibiliti ini tidak bermakna ianya terpisah daripada daya akal manusia bahkan intipati konteks

<sup>8</sup> Lihat Robert Nisbet, *History of the Idea of Progress*, (New York: Basic Books, 1980), 317.

<sup>9</sup> Ibid., Chapra (2008).

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> Bensaïd Benaouda, “Theory of Maqāsid and Social Sciences,” (Master thesis, International Islamic University Malaysia, 1995), 3.

<sup>12</sup> *Maqasid al-Shariah* ialah ilmu pengetahuan tentang objektif Shariah di mana ianya menekankan soal hukum hakam yang mempunyai objektif dan sebabnya. Objektif ini bersifat rasional dan boleh dikenalpasti kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadat dimana kadangkala agak sukar untuk menentukan objektifnya melainkan hanya Allah s.w.t. sahaja yang maha Mengtahui dan tiada keperluan untuk manusia mengetahuinya. Lihat Yusuf Qaradawi, *Madkhal li Dirāsāt al-Sharī‘ah al-Islamiyyah*, (Cairo: Maktaba Wahba, 1990), 57.

Shariah itu sentiasa kekal dan terpelihara asalkan prinsip tauhid itu menjadi terasnya. Oleh yang demikian, matlamat utama Syariah selain daripada mendapat rahmat dan hidayah daripada Allah s.w.t., ia juga adalah untuk mencapai keadilan, memusnahkan prasangka dan menghalang kesukaran dalam kehidupan melalui usaha dan kerjasama di antara ahli masyarakat secara keseluruhannya.<sup>13</sup>

Oleh itu, kewujudan dan fungsi bank pembangunan dilihat perlu mencapai objektif sosial dengan memelihara hak-hak manusia dan menjaga kepentingan awam. Fungsi umum bank pembangunan adalah untuk membangunkan ekonomi dan sosial masyarakat di mana ianya selaras dengan prinsip *Maqāsid al-Sharī'ah*. Secara umumnya, pembangunan ekonomi didefinisikan sebagai suatu proses yang menyebabkan pendapatan per kapita penduduk suatu masyarakat meningkat dalam jangka masa panjang, disertai dengan perubahan ciri-ciri penting suatu masyarakat, iaitu perubahan dalam keadaan sistem politik, struktur sosial, nilai masyarakat dan struktur kegiatan ekonominya.<sup>14</sup> Selain itu pembangunan ekonomi dikaitkan dengan rangkaian usaha dalam suatu perekonomian untuk mengembangkan ekonominya sehingga infrastruktur lebih banyak tersedia, perusahaan semakin banyak dan berkembang, taraf pendidikan semakin tinggi dan teknologi semakin meningkat.

Untuk membangunkan ekonomi secara keseluruhannya, ianya tidak dapat dipisahkan dengan pembangunan sosial dimana ianya menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi secara terus menerus dalam jangka masa waktu yang panjang. Tanpa penglibatan pembangunan sosial secara komprehensif, maka perkembangan ekonomi juga akan menjadi lemah. Oleh yang demikian, kedua-dua dimensi pembangunan ini hendaklah diuruskan secara efektif.

## **BANK PEMBANGUNAN ISLAM (BPI)**

Bank Pembangunan Islam (BPI) terletak di Jeddah, Arab Saudi. Sehingga kini, terdapat 3 buah cawangan bank telah diwujudkan untuk memudahkan saluran kewangan dilakukan di kawasan-kawasan yang berhampiran iaitu di Rabat, Morocco (1994), Kuala Lumpur, Malaysia (1996) dan Almaty, Kazakhstan (1997). Sehingga kini, terdapat 56 negara anggota yang menganggotai bank ini dan kesemuanya adalah negara anggota OIC. Bank ini telah ditubuhkan pada 1975 dengan objektifnya “untuk membangunkan ekonomi dan sosial di negara-negara Islam dan juga masyarakat Islam di negara-negara bukan Islam secara individu mahupun berkumpulan berpandukan kepada hukum Syariah”.<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> Ulama'-ulama' klasik menerangkan maqasid al-Shariah sebagai sesuatu kebaikan atau faedah kepada manusia sama ada di dunia dan di akhirat. Al-Shatibi mengkategorikan maqasid al-Shariah sebagai masalah (kebaikan) yang mana ianya meliputi keseluruhan faedah kepada manusia. Ibn Qayyim pula menerangkan bahawa Syariah mempunyai matlamat untuk menjaga kepentingan manusia dan mencegah keburukan sama ada di dunia dan di akhirat. Lihat Akram Ildin, *Introduction to Shariah and Islamic Jurisprudence*, (KL: Cert Publication, 2006), 18. Manakala Imam al-Ghazzali mengatakan bahawa objektif Syariah adalah untuk menegakkan kebaikan dalam kehidupan melalui pemeliharaan agama, nyawa, aqal, keturunan dan harta. Lihat M. Umer Chapra, *The Future of Economics: An Islamic Perspective*, (UK: Leicester: The Islamic Foundation, 2000), 118.

<sup>14</sup> Lihat [www.slideshare.net/a1-bab1prinsip-dan-konsep-pembangunan/](http://www.slideshare.net/a1-bab1prinsip-dan-konsep-pembangunan/). Diakses pada 29 September 2014.

<sup>15</sup> About IDB, <<http://www.isdb.org>>. Diakses pada 10 Oktober 2012. Objektif yang dinyatakan ialah “to foster economic development and social progress of Member Countries and Muslim communities in non-Member Countries individually as well as jointly in accordance with the principles of *Sharī'ah*”,

Berpandukan kepada objektif ini, nyata sekali BPI mempunyai hasrat yang murni untuk membantu meningkatkan ekonomi dan sosial umat Islam di seluruh dunia. Untuk menjayakan objektif ini, BPI telah melakukan beberapa inisiatif untuk memantapkan sistem pengurusan dan operasi perbankan dengan melakukan pecahan operasi berdasarkan kepada fungsi-fungsi yang lebih khusus. Sehingga tahun 2012, Bank Pembangunan Islam telah mempunyai 5 institusi (termasuk BPI) yang beroperasi di bawah IDB Group. 4 institusi lain termasuk, (i) Islamic Research and Training Institute (IRTI), (ii) Islamic Corporation for the Insurance of Investment and Export Credit (ICIEC), (iii) Islamic Corporation for the Development of the Private Sector (ICD), and (iv) International Islamic Trade Finance Corporation (ITFC).<sup>16</sup>

Kesemua institusi tersebut mempunyai portfolio yang berbeza tetapi mempunyai agenda yang sama iaitu untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial umat Islam di negara ahli mahu pun di negara bukan ahli. Ini dapat memperkasakan sistem pengurusan yang lebih efisien dan terurus.

### **VISI 1440H (2020) BANK PEMBANGUNAN ISLAM**

Pada tahun 2005, BPI telah melonjakkan dasar pembangunan ekonomi dan sosial umat Islam dengan lebih proaktif dan dinamik dengan membentuk visi dan misi yang lebih jelas iaitu Visi 1440H (2020). Ini adalah lantaran daripada kritikan daripada pemerhati dan penyelidik ekonomi yang mula meragui keberkesanan penubuhan BPI yang telah beroperasi selama 30 tahun. Sehingga tahun tersebut, tidak banyak pencapaian yang membanggakan malah krisis kewangan dan ekonomi dunia sentiasa membelenggu kebanyakan negara-negara Islam sehingga menjejaskan pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan. Petunjuk menunjukkan jumlah penduduk di bawah kadar kemiskinan<sup>17</sup> di negara-negara Islam telah meningkat daripada tahun 1990 (347.8 juta) hingga tahun 2005 (359.9 juta).<sup>18</sup> Lebih menyedihkan masalah kebuluran dan kekurangan zat di negara-negara Islam tidak dapat ditangani dengan berkesan. Pada tahun 1994, OIC telah membuat kenyataan bahawa keadaan keselamatan makanan di kebanyakan negara Islam adalah membimbangkan dan menunjukkan penurunan semenjak beberapa tahun kebelakangannya.<sup>19</sup> Menurut SESRIC (2011), data tahun 2004 menunjukkan masalah keselamatan makanan masih tidak dapat diatasi malah ianya semakin membimbangkan.<sup>20</sup> Ini menunjukkan, dalam tempoh sedekad (1994-2004), OIC dan proksinya (BPI) tidak dapat menjalankan peranannya untuk membantu mengurangkan tahap kebuluran dan kekurangan zat di negara-negara Islam.

Ini adalah sesuatu yang mendukacitakan kerana ianya bertentangan dengan matlamat asal dan agenda penubuhan institusi tersebut yang nyata tidak memberi impak yang positif terhadap ekonomi umat Islam. Sebagai sebuah institusi yang berpaksikan kepada prinsip Islam, maka sudah tentu OIC dan BPI perlu membuktikan kepada masyarakat Islam bahawa objektif yang telah dibina perlu dilaksanakan dan diterjemahkan dengan hasil yang lebih signifikan.

<sup>16</sup> Lihat IDB Annual Report 1427H (2006-2007), (Jeddah: Islamic Development Bank, 2007).

<sup>17</sup> Menurut World Bank, kemiskinan terag ialah mereka yang hidup di bawah kadar kemiskinan sekitar pendapatan \$1.25 sehari.

<sup>18</sup> PovcalNet, World Bank Database.

<sup>19</sup> Resolution ¼ MFSAD (Minister on Food Security and Agricultural Development), <<http://www/oic-oci.org>> diakses pada 10 Oktober 2012.

<sup>20</sup> Lihat SESRIC, *Global Food Price Crisis: Impact on Food Security & Malnutrition in the OIC Member States*, (Ankara Centre: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC), 2011).

Oleh yang demikian, Visi 1440H (2020) telah diwujudkan untuk mendepani cabaran ekonomi dunia disamping membina sasaran yang lebih jelas untuk dicapai. Terdapat 9 pelan strategi yang telah dibentuk iaitu, (i) Pembaharuan BPI, (ii) mengurangkan kadar kemiskinan, (iii) meningkatkan tahap kesihatan, (iv) Memperkasakan pendidikan, (v) Memajukan umat, (vi) Memperkasakan peranan wanita Islam, (vii) meluaskan industri kewangan Islam, (viii) membantu dalam menyepadukan kerjasama ekonomi negara ahli, dan (ix) meningkatkan imej dunia Islam.<sup>21</sup>

## **MAQASID AL-SHARIAH DAN PELAN STRATEGI BANK PEMBANGUNAN ISLAM (BPI)**

Pembangunan ekonomi melalui perspektif Islam adalah unik dan asli di mana ianya mempunyai perbezaan yang sangat ketara dari sudut ciri-cirinya jika dibandingkan dengan perspektif konvensional. Objektif ekonomi dalam perspektif Islam adalah untuk mencapai kesejahteraan dan kejayaan (*al-falah*) di dunia dan di Akhirat. Manakala ekonomi dari perspektif konvensional hanya menumpukan kepada pengurusan dan penggunaan sumber yang terhad dan menghasilkan sesuatu dengan tidak terhad. Oleh yang demikian, ciri-ciri ekonomi Islam adalah lebih mengutamakan prinsip “membersihkan” harta dengan menyalurkan harta untuk dikongsi manfaatnya bersama dan untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t. Ianya bertepatan dengan prinsip Maqasid al-Shariah itu sendiri di mana objektifnya adalah untuk memelihara kebaikan (masalah) dan menghindarkan kemudaratan (darurah) di kalangan masyarakat.

Pembangunan ekonomi hendaklah selaras dengan kehendak dan maksud syariah itu sendiri. Pembangunan dari sudut agama (*al-din*), nyawa (*al-nafs*), akal (*al-‘aql*), keturunan (*al-nasl*) dan harta (*al-mal*) hendaklah menjadi fokus utama dalam semua kegiatan dan aktiviti kehidupan manusia. Dengan kesempurnaan kelima-lima keperluan ini, ia akan menjadi syarat utama dalam mencapai kebahagiaan dan kejayaan (*al-falah*) di dunia dan di Akhirat. Kejayaan di dunia ini hanyalah bersifat sementara sahaja, namun kejayaan Akhirat itulah yang kekal abadi. Firman Allah s.w.t. (Quran, 87:16-17, 9:38).

Oleh yang demikian, ekonomi Islam berperanan untuk menyeimbangkan antara pembangunan material dan bukan material. Menurut Sadeq (2006), beliau mentakrifkan pembangunan ekonomi Islam ialah keseimbangan dan ketahanan pembangunan dari sudut material dan bukan material seseorang manusia. Beliau menyatakan bahawa pembangunan merupakan suatu proses yang bersifat multidimensi di mana ia melibatkan kemajuan, penyusunan semula dan reorientasi keseluruhan sistem ekonomi dan sosial, termasuk juga pembangunan rohani (spiritual) mengikut panduan Islam.<sup>22</sup> Manakala Ahmad (2000) pula mengatakan bahawa asas kepada pembangunan Islam itu hendaklah melalui pendekatan berikut iaitu: (i) tauhid, (ii) rububiyah, (iii) khilafah, dan (iv) tazkiyah.<sup>23</sup> Melalui pendekatan ini, pembangunan ekonomi akan lebih menyeluruh dan seimbang termasuk aspek moral, rohani dan material.

<sup>21</sup> Untuk maklumat lebih lanjut tentang pelan strategi BMI ini, lihat Islamic Development Bank, *Vision 1440H*, March 2006.

<sup>22</sup> Sadeq Abul Hasan, *Development Issues in Islam*, (KL: International Islamic University Malaysia, 2006).

<sup>23</sup> Ahmad, A., *Economic Development in Islamic Perspective Revisited*. Review of Islam Economics. Leicester, Journal of the International Association for Islamic Economics and the Islamic Foundation, 2000.

Dalam konteks Pelan Strategi Bank Pembangunan Islam (BPI), terdapat 9 agenda pembangunan yang telah dibentuk dan ingin dicapai pada tahun 2020. Untuk mengenalpasti sama ada agenda ini mengambil kira pendekatan maqasid al-shariah, analisis secara diskriptif dilakukan untuk menilai secara menyeluruh pendekatan yang diambil oleh BPI.

### ***Daruriyyat***

Daruriyyat merupakan perkara asas yang sangat penting di dalam pemeliharaan objektif shariah. Ianya juga merupakan keutamaan dan sesuatu yang sangat diperlukan sehingga ke tahap terdesak. Ianya mesti dilaksanakan dalam semua aspek aktiviti dan kegiatan hidup manusia. Tanpanya maka hak asasi seseorang itu akan dinafikan, dan keadilan sosial dan masalah umum tidak akan dapat dicapai dan dipertahankan. Ianya mesti merangkumi kepada pemeliharaan agama (al-din), nyawa (al-nafs), akal (al-'aql), keturunan (al-nasl) dan harta (al-mal). Dalam konteks ini, pembangunan hendaklah merangkumi pelan jangka masa panjang agar pemeliharannya akan sentiasa berterusan dan konsisten.

Jika mengambil kira pendekatan agenda BPI, kelima-lima perkara daruriyyat ini telah menjadi asas kepada pelan pembangunannya. Ianya dapat dilihat melalui: (i) pelan pembaharuan BPI, dan (ii) pelan mengurangkan kadar kemiskinan. Agenda pembaharuan BPI ini sangat penting disebabkan oleh pengalaman BPI di sepanjang 30 tahun penubuhannya (1975-2005) tidak memberikan sebarang impak yang signifikan kepada pembangunan ekonomi dan sosial umat Islam. Ini disebabkan oleh pendekatan BPI yang tidak berperanan secara efektif dalam operasinya. Pendekatan institusi ini hanya terarah kepada menunggu pelanggan (ahli-ahli anggota OIC) sahaja untuk mendapatkan perkhidmatannya.<sup>24</sup> Tambahan pula, tiada program pembangunan yang komprehensif dan pelan yang sistematik dibentuk di sepanjang tempoh tersebut. Oleh yang demikian, pembaharuan BPI ini dianggap sebagai keutamaan dan satu desakan yang perlu dilaksanakan dengan penjenamaan semula visi dan misi yang lebih jelas serta memberikan perkhidmatan kepada ummah dan bertindak secara proaktif terhadap agenda pembangunan ekonomi dan sosial.

Agenda yang termasuk dalam kategori daruriyyat ini juga adalah agenda untuk mengurangkan kadar kemiskinan.<sup>25</sup> Kemiskinan merupakan fenomena yang sering menjadi isu penting dalam pelan pembangunan ekonomi. Ini adalah kerana kemiskinan ialah suatu keadaan di mana seseorang itu dinafikan haknya terutama dalam hal pemilikan harta. Kemiskinan bukan sahaja akan menyebabkan seseorang itu terlepas hak untuk memiliki harta malah ianya melibatkan beberapa dimensi lain seperti taraf kehidupan, kesihatan, pendidikan, dan lain-lain. Walaupun kemiskinan ini boleh berlaku atas faktor diri sendiri (malas bekerja dan faktor kesihatan), bahkan ianya juga boleh berlaku kerana faktor luaran seperti tiada peluang pekerjaan, kelembapan ekonomi, ketidakstabilan politik, perang saudara, dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, agenda mengurangkan kadar kemiskinan ini adalah perkara daruriyyat dan suatu desakan yang mesti dilaksanakan oleh BPI, dan dalam masa yang sama akan memelihara hak-hak seseorang itu dalam perkara daruriyyat iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

### ***Hajiyyat***

---

<sup>24</sup> Fakhri Sungit, *Economic Development in the Muslim World: A Case Study of the Islamic Development Bank (IDB)*. Doctoral thesis, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), IIUM.

<sup>25</sup> Secara spesifiknya, BPI ingin mengurangkan ¼ kadar kemiskinan yang tinggal kurang daripada \$1 sehari sebagai sasaran pada tahun 2020.



Hajiyyat ialah perkara yang berkaitan dengan keperluan umum, namun tidak sehingga mencapai tahap darurat (terdesak, terpaksa dan tidak dapat dielakkan). Ianya perlu dilaksanakan sebagai melengkapkan dan membantu mencapai objektif untuk memelihara perkara daruriyyat. Sekiranya dilaksanakan, maka ianya lebih memberi manfaat dan kebaikan dalam mencapai masalah umum. Dalam konteks pembangunan, ianya perlu merangkumi pelan jangka masa panjang dan sederhana. Ini adalah untuk memberi kelangsungan dalam melengkapkan pelan pembangunan secara holistik dan menyeluruh.

Pelan pembangunan BPI juga mengambil kira pembangunan secara jangkamasa panjang dan sederhana. Ini dapat dilihat melalui agenda (i) meningkatkan tahap kesihatan, (ii) memperkasakan pendidikan, dan (iii) memajukan umat. Ketiga-tiga agenda pelan pembangunan ini jika dilihat secara kasar, ianya lebih memberi maksud kepada pemeliharaan daruriyyat. Ini adalah kerana, kesihatan, pendidikan dan kemajuan umat adalah termasuk dalam kategori menjaga nyawa (kesihatan), akal (pendidikan) dan harta (kemajuan umat). Namun jika dilihat dari sudut keutamaan, maka pembasmian kemiskinan itu terletak dalam kategori daruriyyat kerana ianya lebih penting untuk dilaksanakan kerana ianya melibatkan keseluruhan dimensi pemeliharaan iaitu untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Manakala pembangunan kesihatan, pendidikan dan kemajuan umat secara spesifik adalah merupakan kelangsungan dalam melengkapkan agenda membasmi kemiskinan oleh BPI. Oleh yang demikian, ketiga-tiga agenda ini juga sangat penting dalam membangunkan ekonomi dan sosial umat Islam.

### ***Tahsiniyyat***

Tahsiniyyat pula merupakan sesuatu perkara yang ditokok tambah untuk memberikan lebih kebaikan dan manfaat, tetapi ianya bukanlah keperluan yang mendesak atau perlu dilakukan secara paksa. Dalam konteks pembangunan, ianya merangkumi pelan jangka masa panjang, sederhana dan pendek.

Pelan pembangunan BPI juga memenuhi keperluan tuntutan tahsiniyyat juga kerana ianya mampu merangsang pertumbuhan ekonomi secara mapan dan seterusnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan. Ianya dapat dilihat melalui agenda: (i) memperkasa peranan wanita Islam, (ii) memperluas industri perbankan Islam, (iii) mewujudkan kerjasama ekonomi di negara-negara ahli, dan (iv) meningkatkan imej dunia Islam.

Peranan wanita perlu diangkat kerana wanita mampu untuk memikul tanggungjawab dalam meningkatkan ekonomi. Wanita merupakan antara golongan yang paling ramai menghadapi kemiskinan. Oleh yang demikian, BPI berhasrat untuk mengangkat martabat wanita dan memberi lebih ruang kepada golongan ini untuk sama-sama bersaing dalam membangunkan ekonomi negara. Ada sesetengah negara Islam yang mengetepikan hak wanita untuk meningkatkan taraf hidup mereka, dan stigma ini hendaklah diubah kerana wanita juga mempunyai potensi yang besar dan boleh memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi dan sosial.

Industri perbankan Islam juga menjadi agenda penting BPI kerana ianya mampu memberikan perkhidmatan kewangan mengikut kehendak syarak. Ianya sangat penting dalam membendung kegiatan dan aktiviti perbankan yang berunsurkan riba. Sebagai umat Islam yang sangat mementingkan soal halal dan haram dalam perkara muamalat, industri kewangan Islam hendaklah diperluaskan bagi memberi ruang kepada umat Islam untuk mendapat faedah

daripadanya, dan seterusnya mengelakkan aktiviti riba, gharar dan maysir di kalangan umat Islam.

BPI juga membentuk agenda untuk mewujudkan kerjasama ekonomi di negara-negara Islam. Ini dapat mewujudkan ekosistem ekonomi yang harmoni di kalangan negara-negara Islam. Daripada kerjasama yang dibina, sesebuah negara maju dapat menghulurkan bantuan dari segi perdagangan dua hala, khidmat nasihat dan sokongan, bertukar maklumat dan teknologi, dan seterusnya dapat membantu negara-negara yang mundur. Ianya dapat memberi banyak faedah dari sudut ekonominya kerana Islam sendiri menuntut umatnya untuk sentiasa bantu membantu di antara satu sama lain terutamanya kepada mereka yang susah dan memerlukan bantuan.

Akhir sekali, BPI juga membentuk agenda untuk meningkat imej Islam di mata dunia. Ini merupakan cabaran yang besar kepada BPI kerana ianya merupakan tugas yang berat untuk membetulkan persepsi masyarakat dunia terhadap Islam. Dunia Barat masih bersikap skeptical kepada umat Islam yang dianggap teroris (pengganas) dan melampaui batas. Ini mewujudkan persepsi Islamofobia yang boleh membina jurang antara dunia Barat dan Islam. Membina imej Islam yang betul di mata masyarakat dunia secara langsung dan tidak langsung dapat membantu meningkatkan pembangunan ekonomi umat Islam kerana ianya memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur untuk melabur di negara-negara Islam dan sekaligus dapat meningkatkan pendapatan kepada negara.

Kesimpulannya, agenda yang dibangunkan oleh BPI ini adalah selaras dengan kehendak maqasid al-shariah kerana ianya melibatkan pelan pembangunan ekonomi dan sosial secara menyeluruh. Oleh yang demikian, bahagian seterusnya akan menyentuh tentang pelan tindakan yang dilakukan oleh BPI untuk mencapai sasaran yang mereka sasarkan pada tahun 2020.

## **PELAN TINDAKAN BPI**

Selepas pembentukan pelan strategi untuk mencapai Visi 1440H (2020) pada tahun 2005, BPI telah melakukan pelan tindakan melalui program-program pembangunan. Di bawah ini dinyatakan program-program yang telah dan sedang dilaksanakan.

### ***Member Country Partnership Strategy (MCPS)***

MCPS atau Strategi Perkongsian Antara Negara Anggota merupakan projek jangka masa pendek yang dilaksanakan oleh BPI untuk mengadakan kerjasama strategik khususnya dalam pembangunan ekonomi kepada negara-negara yang terlibat. Objektif strategi ini dibentuk adalah untuk membina sinergi dan kerjasama di kalangan negara-negara anggota untuk memberi bantuan secara efektif. Strategi ini dilancarkan pada tahun 2010, dan sehingga kini (2012) terdapat 7 negara<sup>26</sup> yang terlibat dan dianggarkan menelan belanja melebihi US\$ 7.3 billion.<sup>27</sup> BPI berhasrat untuk mengadakan MCPS ini kepada fasa berikutnya yang melibatkan negara-negara anggota yang lain selepas fasa pertama selsesai. Antara lain manfaat program ini adalah untuk membina perkongsian dalam pelbagai sektor, usahasama ekonomi dan pembangunan sains dan teknologi, pelaburan dan perdagangan dua hala, perkongsian pengalaman dalam membangunkan ekonomi dan kisah kejayaan di mana BPI berperanan sebagai fasilitator terhadap negara-negara yang terlibat.

<sup>26</sup>Indonesia, Mali, Mauritania, Turki, Uganda, Pakistan dan Malaysia.

<sup>27</sup> IDB, *IDB Annual Report 1432H*, (2011).

### ***Islamic Solidarity Fund for Development (ISFD)***

ISFD atau Tabung Perpaduan Islam untuk Pembangunan telah dilancarkan pada tahun 2007 sebagai pelan tindakan kepada agenda membasmi kemiskinan. Program ini merupakan nadi kepada BPI yang menasaskan untuk mengurangkan  $\frac{3}{4}$  daripada penduduk yang tinggal kurang daripada USD 1 sehari. Program ini menasaskan kos sebanyak US\$ 10 billion. Terdapat 3 objektif penting daripada program ini iaitu: (i) membasmi kemiskinan dan kebuluran, (ii) menyediakan bantuan kewangan untuk meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan golongan miskin, (iii) menekankan pembangunan manusia, terutama mengurangkan kadar buta huruf dan membasmi penyakit seperti malaria, batuk kering (tibi) dan HIV / Aids. Untuk memastikan program ISFD ini dijalankan dengan lebih berkesan, BPI telah membahagikan program ini kepada 3 bahagian iaitu: (i) Microfinance Support Program (MFSP), (ii) Vocational Literacy Program (VOLIP), dan (iii) Sustainable Village Program (SVP).

### ***Microfinance Support Program (MFSP)***

MFSP atau Program Bantuan Kewangan Micro dilancarkan pada tahun 2011 dengan kos keseluruhan sebanyak US\$ 100 juta setahun yang mengambil masa selama 5 tahun. Antara objektif program ini adalah untuk mengurangkan golongan miskin, mewujudkan peluang pekerjaan dan mengubah taraf hidup orang miskin dengan menjalankan aktiviti latihan dan kemahiran vokasional serta membantu usahawan kecil dan sederhana.

### ***Vocational Literacy Program (VOLIP)***

VOLIP atau Program Celik Vokasional dijalankan pada tahun 2008 bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar, khususnya golongan wanita dengan memberi kemudahan latihan dan kemahiran, meningkatkan kompetensi dan disertai dengan bantuan kewangan micro. Sebanyak US\$ 34.43 juta telah dibelanjakan di 4 buah negara iaitu Mauritania, Niger, Senegal dan Yemen. 2 negara yang masih menunggu bantuan VOLIP ini ialah Chad dan Tajikistan. BPI menasaskan sebanyak 81,000 orang akan mendapat peluang pekerjaan hasil daripada program VOLIP ini. (Lihat Carta 1)

Carta 1  
Estimated Employment Impact of VOLIP.<sup>28</sup>

	<b>Total Cost (US\$ million)</b>	<b>IDB Financing (US\$ million)</b>	<b>Percent Share of IDB</b>	<b>Estimated Employment Impact</b>
Senegal	110.00	11.75	10.7	21,000

<sup>28</sup> IDB, *The Role of IsDB Group in Supporting Employment Growth in Member Countries: Past Practices and Future Approach*, (Jeddah: Islamic Development Bank, 2012), 11.

(Approved in Dec. 2008)				
Yemen (Approved in Dec. 2009)	21.58	11.26	52.2	17,000
Niger (Approved in June 2010)	10.12	9.22	91.1	11,000
Mauritania (Approved in August 2010)	16.02	11.40	71.2	21,000
Chad (processing)	12.62	11.00	87.2	11,000
Total	170.34	54.63	32.1	81,000

### *Sustainable Village Program (SVP)*

SVP atau Program Pemerkasaan Luar Bandar dilancarkan untuk membantu mengurangkan kadar kemiskinan dengan melibatkan organisasi luar seperti NGO, syarikat swasta, institusi kebajikan dan lain-lain untuk turut sama berkhidmat membatu usaha BPI ini. Program ini khusus dijalankan di 6 buah negara-negara anggota dalam kategori negara kurang membangun.<sup>29</sup> Jumlah keseluruhan kos bagi program ini ialah US\$ 121.2 juta termasuk pinjaman dan geran.

### ***Youth Employment Support Program (YES)***

Pada tahun 2011, BPI telah bersetuju untuk memperuntukkan peruntukkan sebanyak lebih US\$ 250 juta untuk menjayakan satu program pembangunan iaitu YES atau Program Bantuan Pekerjaan Belia. Objektif program ini ialah: (i) untuk membantu meningkatkan peluang pekerjaan yang boleh dimanfaatkan oleh golongan belia, (ii) membina kemahiran yang sesuai dengan kehendak pasaran pekerjaan, dan (iii) membentuk program E4E (education for employment) atau pendidikan untuk pekerjaan. Program ini diselia oleh BPI dengan bantuan Bank Dunia untuk membangunkan industri pekerjaan di negara-negara yang mengalami situasi krisis makroekonomi di kebanyakan negara-negara Arab. Carta 2 menunjukkan program YES dan negara-negara yang terlibat.

Carta 2  
Program YES dan Negara-Negara yang Terlibat<sup>30</sup>

Country	Aims and Purposes	Approved Financing
Tunisia	(a) enhancing their access to finance for survival generating activities and to support creation of micro and small enterprises in both rural and urban areas, (b)	US\$50 million

<sup>29</sup> Sehingga tahun 2012, hanya 4 negara yang menerima bantuan ini iaitu Chad, Sudan, Mozambique dan Republik Kyrgyz. 2 negara lagi masih belum ditentukan oleh BPI. Lihat IDB, *The Role of IsDB Group in Supporting Employment Growth in Member Countries: Past Practices and Future Approach*, (Jeddah: Islamic Development Bank, 2012), 11.

<sup>30</sup> IDB, *The Role of IsDB Group in Supporting Employment Growth in Member Countries: Past Practices and Future Approach*, (Jeddah: Islamic Development Bank, 2012), 10.

	support capacity building for training providers and financial intermediaries, and (c) provision of non-financial services needed for successful entrepreneurial activities such as development of marketing skills	
Egypt	Development of SMEs sector and microfinance institutions. Through these activities, it has been estimated that by 2016, about additional 24,000 SMEs will be established leading to creation of about 86,000 employment opportunities. Moreover, the Program will also provide opportunities to an estimated 150,000 Young Entrepreneurs to benefit from Market Oriented Training and Entrepreneurship Programs, which will be administered through 10 universities and professional colleges in Egypt.	US\$50 million
Morocco	Addressing critical aspects of growing youth unemployment. In 2008, about 61 percent of young people with secondary education and above are unemployed as compared with 8 percent of uneducated youth. Underlying these statistics are also other worrying trends, highlighted by the results of recent surveys, which shows that high dropout rates are fueled by inequity in access to education, inadequate quality of education and a skills mismatch problem.	Reviewing process
Libya	The Bank is in the process of reviewing the development agenda of the Libyan authorities, and initiating work on a diagnostic study which will identify binding constraints to employment growth.	Reviewing process
Mauritania	Currently, IDB is in the process of fielding a technical mission to prepare 'Rural Community Development and Employment Creation Project in Mauritania'.	Expected to be US\$30 million

### ***Special Program for the Development of Africa (SPDA)***

SPDA merupakan program khas yang direncanakan untuk meningkatkan pembangunan ekonomi dan sosial khususnya di negara-negara Islam di benua Afrika. Secara umumnya, kebanyakan negara di Afrika mengalami masalah kemiskinan dan keburlan yang sangat membimbangkan. Oleh yang demikian, bantuan asas dan pelaburan dalam sektor tertentu seperti kesihatan, pendidikan, pembangunan sumber manusia dan jaringan keselamatan sosial adalah sangat diperlukan dalam meningkatkan ekonomi di benua tersebut. Selain itu, pelaburan dalam membangunkan infrastruktur juga sangat penting untuk mewujudkan ruang dan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Atas faktor tersebut, program ini diwujudkan khusus untuk membantu membangunkan negara-negara Islam di Afrika. BPI mensasarkan kos pembangunan

SPDA ini melebihi US\$ 4.0 billion selama 5 tahun (2008-2013) dengan bantuan daripada agensi-agensi lain. (Lihat Carta 3).

Carta 3  
The IDB Group Annual Financing Plan (1429H-1433H/2008-2012)  
(Amount in US\$ million).<sup>31</sup>

Window/Year	2008	2009	2010	2011	2012	Total (US\$)	Ratio (%)
IDB/ISFD	420	481	550	630	720	2800	70
ITFC	160	183	210	240	274	1067	26.7
ICD/ICIEC	20	23	26	30	34	133	3.3
Total (US\$)	600	687	786	899	1029	4000	100

### ***Jeddah Declaration of Food Security***

Program bantuan keselamatan makanan ini adalah merupakan respon kepada krisis makanan yang dialami oleh kebanyakan negara-negara anggota pada tahun 2008. Harga import makanan telah melonjak daripada US\$ 191 billion (2006) kepada US\$ 256 billion (2007-08).<sup>32</sup> Ini memaksa BPI untuk mewujudkan bantuan ini di bawah program Jeddah Declaration of Food Security. BPI telah memperuntukkan sebanyak US\$ 1.5 billion dalam membantu mengurangkan beban negara-negara yang terlibat. Ini termasuk bantuan dalam membangunkan sektor pertanian dan makanan.<sup>33</sup>

### ***IDB Infrastructure Fund (IIF)***

BPI juga mewujudkan program pembangunan infrastruktur (IIF) untuk membantu meningkatkan taraf hidup umat Islam dengan menyediakan peruntukan sebanyak US\$ 423.9 juta daripada tahun 2001 sehingga tahun 2012. Terdapat 7 sektor yang telah dibangunkan disepanjang tempoh program ini berjalan. (Lihat Carta 4).


Carta 4  
Sector Diversification of IIF.<sup>34</sup>

<sup>31</sup> IDB, *Special Program for the Development of Africa (SPDA) Progress Report 2012*, 2012.

<sup>32</sup> SESRIC, *Global Food Price Crisis: Impact on Food Security & Malnutrition in the OIC Member States*, (Ankara Centre: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC), 2011), 1.

<sup>33</sup> Islamic Development Bank Group, *Islamic Development Group in Brief*, 2012.

<sup>34</sup> <http://www.isdb.org>. Diakses pada 23 Oktober 2013.



## **LAPORAN UNDP TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL**

Setelah membicarakan secara terperinci tentang pelan pembangunan ekonomi BPI melalui Visi 1440H (2020) dan pelan tindakannya, bahagian ini adalah untuk menganalisis secara umum berkaitan dengan pembangun ekonomi dan sosial di kalangan negara anggota.


Untuk mendapatkan gambaran secara jelas tentang pembangunan ekonomi dan sosial, laporan daripada Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu atau UNDP (United Nations Development Program) akan digunakan dan dianalisis. Menurut laporan UNDP (2010), menilai suatu kemiskinan mestilah didasari dengan prinsip “deprivation” atau “kekurangan” kerana ia adalah asas kepada konsep pembangunan manusia<sup>35</sup>. Dimensi kemiskinan bukan sahaja diukur dari sudut kekurangan pendapatan malah ia boleh diperluaskan lagi seperti kekurangan kesihatan dan nutrisi, pendidikan dan kemahiran, keadaan tempat tinggal dan kekurangan penyertaan dalam sistem sosial. Dalam konteks pembangunan ekonomi, pengukuran dari segi material (wang atau harta benda) adalah sangat signifikan, namun prinsip “kekurangan” dari sudut pelbagai dimensi juga perlu diberi pertimbangan, terutamanya apabila setiap isi rumah atau keluarga menghadapi kesukaran dari segi gaya hidup di mana boleh mendorong untuk dikategorikan di dalam golongan miskin.<sup>36</sup>

<sup>35</sup> Dalam hal ini, UNDP mengenalkan dasar dan falsafah pembangunan melalui prinsip “deprivation” atau “kekurangan” dalam mengukur tahap pembangunan ekonomi dan sosial. Sesuatu pembangunan itu dianggap lemah jika dimensi di dalam pembangunan itu kurang mencapai index yang ditetapkan, dan begitulah sebaliknya.

<sup>36</sup> UNDP, *Human Development Report*, 2010, 95.

Menurut UNDP terdapat 3 indikator asas di samping terdapat sub-indikator lain dalam menentukan index kemiskinan pelbagai dimensi. Rajah di bawah adalah ilustrasi indikator index kemiskinan daripada UNDP.

Rajah 1:  
 Indikator Kemiskinan Pelbagai Dimensi<sup>37</sup>



### Index Pembangunan Manusia Melalui Perspektif UNDP

Berikut adalah index pembangunan manusia di negara-negara anggota berdasarkan laporan yang diberikan oleh UNDP tahun 1980 hingga 2011.

Rajah 5  
 Human Development Index (HDI) Trends, 1980-2011<sup>38</sup>

Country	Year						
	1980	1990	2000	2005	2009	2010	2011
<b>VHHD</b>							
UAE	0.629	0.690	0.753	0.807	0.841	0.845	0.846
Brunei	0.750	0.784	0.818	0.830	0.835	0.837	0.838
Qatar	0.703	0.743	0.784	0.818	0.818	0.825	0.831
Bahrain	0.651	0.721	0.773	0.795	0.805	0.805	0.806
<b>VHD</b>							
Saudi Arabia	0.651	0.693	0.726	0.746	0.763	0.767	0.770
Malaysia	0.559	0.631	0.705	0.738	0.752	0.758	0.761
Kuwait	0.688	0.712	0.754	0.752	0.757	0.758	0.760
Libya	---	---	---	0.741	0.763	0.770	0.760
Kazakhstan	---	---	0.657	0.714	0.733	0.740	0.745

<sup>37</sup> Ibid.

<sup>38</sup> UNDP, *Human Development Report*, 2011, 131.



Albania	---	0.656	0.691	0.721	0.734	0.737	0.739
Lebanon	---	---	---	0.711	0.733	0.737	0.739
Mauritius	0.546	0.618	0.672	0.703	0.722	0.726	0.728
Iran	0.437	0.534	0.636	0.671	0.703	0.707	0.707
Oman	---	---	---	0.694	0.703	0.704	0.705
Azerbaijan	---	---	---	---	---	0.699	0.700
<b>MHD</b>							
Turkey	0.463	0.558	0.634	0.671	0.690	0.696	0.699
Tunisia	0.450	0.542	0.630	0.667	0.692	0.698	0.698
Jordan	0.541	0.591	0.646	0.673	0.694	0.697	0.698
Algeria	0.454	0.551	0.624	0.667	0.691	0.696	0.698
Turkmenistan	---	---	---	0.654	0.677	0.681	0.686
Suriname	---	---	---	0.659	0.674	0.677	0.680
Gabon	0.522	0.605	0.621	0.648	0.664	0.670	0.674
Maldives	---	---	0.576	0.619	0.650	0.658	0.661
Egypt	0.406	0.497	0.585	0.611	0.638	0.644	0.644
Palestine	---	---	---	---	---	0.640	0.641
Uzbekistan	---	---	---	0.611	0.631	0.636	0.641
Syria	0.497	0.548	0.583	0.621	0.630	0.631	0.632
Indonesia	0.423	0.481	0.543	0.572	0.607	0.613	0.617
Kyrgyzstan	---	---	0.577	0.595	0.611	0.611	0.615
Tajikistan	---	---	0.527	0.575	0.600	0.604	0.607
Iraq	---	---	---	0.522	0.565	0.567	0.573
<b>LHD</b>							
Pakistan	0.359	0.399	0.436	0.480	0.499	0.503	0.504
Bangladesh	0.303	0.352	0.422	0.462	0.491	0.496	0.500
Cameroon	0.370	0.427	0.427	0.449	0.475	0.479	0.482
Yemen	---	---	0.374	0.422	0.452	0.460	0.462
Senegal	0.317	0.365	0.399	0.432	0.453	0.457	0.459
Nigeria	---	---	---	0.429	0.449	0.454	0.459
Mauritania	0.332	0.353	0.410	0.432	0.447	0.451	0.453
Uganda	---	0.299	0.372	0.401	0.438	0.442	0.446
Togo	0.347	0.368	0.408	0.419	0.429	0.433	0.435
Comoros	---	---	---	0.428	0.430	0.431	0.433
Djibouti	---	---	---	0.402	0.425	0.427	0.430
Benin	0.252	0.316	0.378	0.409	0.422	0.425	0.427
Gambia	0.272	0.317	0.360	0.384	0.413	0.418	0.420
Sudan	0.264	0.298	0.357	0.383	0.403	0.406	0.408
Cote d'Ivoire	0.347	0.361	0.374	0.383	0.397	0.401	0.400
Afghanistan	0.198	0.246	0.230	0.340	0.387	0.394	0.398
Mali	0.174	0.204	0.275	0.319	0.352	0.356	0.359
Guinea-Bissau	---	---	---	0.340	0.348	0.351	0.353
Guinea	---	---	---	0.326	0.341	0.342	0.344
Sierra Leone	0.248	0.241	0.252	0.306	0.329	0.334	0.336
Burkina Faso	---	---	---	0.302	0.326	0.329	0.331
Chad	---	---	0.286	0.312	0.323	0.326	0.328
Mozambique	---	0.200	0.245	0.285	0.312	0.317	0.322
Niger	0.177	0.193	0.229	0.265	0.285	0.293	0.295

Terdapat 4 kategori negara berdasarkan kepada index pembangunan manusia HDI (Human Development Index) iaitu (i) pembangunan manusia-sangat tinggi (VHHD), (ii)

pembangunan manusia-tinggi (HHD), (iii) pembangunan manusia-sederhana (MHD), dan (iv) pembangunan manusia-rendah (LHD). Terdapat 4 negara yang berada di kategori VHHD yaitu United Arab Emirates, Brunei Darussalam, Qatar dan Bahrain dengan index 0.846, 0.838, 0.831 dan 0.806 masing-masing. Negara-negara ini telah mengekalkan status negara VHHD dengan nilai index melebihi 0.800 sejak tahun 2005 kecuali Brunei yang mencapai status VHHD pada tahun 2000 dengan index 0.818. Ini menunjukkan terdapat segelintir negara-negara Islam yang berjaya mengurus ekonomi dan sosial negara dengan jayanya. Namun, gambaran ini hanya mewakili 7.2 peratus sahaja daripada keseluruhan negara-negara anggota yang lain. Tambahan pula, negara ini merupakan negara terbesar penghasil sumber asli seperti minyak dan gas yang menyumbang kepada KDNK<sup>39</sup> negara.

Laporan UNDP juga menunjukkan bahawa terdapat 11 negara anggota yang mencapai status HHD. Terdapat beberapa negara yang berpotensi untuk mencapai status VHHD pada masa akan datang berdasarkan kepada pencapaian index sepanjang 10 tahun iaitu Arab Saudi, Malaysia, Kuwait, Libya dan Kazakhstan. Tambahan pula negara-negara ini adalah pengeluar dan pengeksport minyak dan gas. Kazakhstan menunjukkan peningkatan prestasi paling ketara apabila berubah daripada status MHD kepada HHD pada 2005. Bagaimana pun negara dalam kategori ini hanya mewakili 19.6 peratus sahaja daripada keseluruhan negara anggota.

Manakala 16 negara anggota pula mewakili negara berstatus MHD pada tahun 2011. Beberapa buah negara berpotensi untuk mengubah status kepada HHD pada masa akan datang berdasarkan kepada purata peratus kenaikan index seperti Turki (0.699) dan Tunisia, Jordan dan Algeria (0.698 masing-masing). Jordan dan Gabon pula menunjukkan prestasi yang perlahan apabila berada di kategori MHD selama 30 tahun semenjak tahun 1980. Secara keseluruhannya 16 negara anggota mewakili 28.6 peratus daripada kategori MHD.

Laporan HDI 2011 ini juga menunjukkan terdapat 24 negara yang berstatus LHD. Ia mewakili 44.6 peratus daripada jumlah negara anggota, dan 52 peratus daripada keseluruhan jumlah negara LHD di seluruh dunia. Yang paling membimbangkan, terdapat 3 negara di antara 5 negara yang paling rendah pencapaian pembangunan ekonomi dan sosial iaitu Niger (0.295), Mozambique (0.322) dan Chad (0.328). Hanya Pakistan dan Bangladesh menunjukkan prestasi pembangunan melebihi index 0.500 pada tahun 2011 manakala selebihnya di bawah paras tersebut. Ini menunjukkan suatu petanda yang serius dan perlu diberi perhatian terutamanya negara anggota di benua Afrika. Tambahan pula, jika dikumpulkan kategori kepada 2 kumpulan, ia menunjukkan hanya 26.8 peratus sahaja negara yang mewakili VHHD dan HHD, manakala selebihnya (73.2 peratus) mewakili negara dalam kategori MHD dan LHD. Secara keseluruhannya, peratusan ini menunjukkan terdapat masalah “deprivation” atau “kekurangan” dan ketidakseimbangan yang serius di kebanyakan negara-negara anggota.

## **Tahap Pendidikan dan Kesihatan**

Pendidikan dan kesihatan adalah dimensi yang signifikan dalam mengaitkan kemiskinan dan gaya hidup. Menurut SESRIC (2013), kajian empirikal menunjukkan bahawa pelaburan dalam pendidikan dan modal insan adalah penting kepada pertumbuhan negara. Hasil daripada kajian mendapati semakin tinggi kadar pelaburan dan pendaftaran dalam pendidikan maka tahap

---

<sup>39</sup> Keluaran Dalam Negara Kasar.

pembangunan juga semakin meningkat.<sup>40</sup> Demikian juga halnya dengan tahap kesihatan, ianya akan memberi kesan kepada pertumbuhan dan pengagihan kekayaan dengan sama rata. Secara umumnya, negara yang mengamalkan pengagihan kekayaan dengan sama rata akan menikmati tahap kesihatan yang lebih baik. Habibullah (2012) dalam kajiannya menyatakan pengagihan kekayaan yang tidak sama rata akan merencatkan kesihatan penduduk.<sup>41</sup> Berikut adalah rajah yang menunjukkan tahap pendidikan dan kesihatan bagi negara anggota.

**Rajah 6:  
Education and Health<sup>42</sup>**

Country	Education					Health							
	Gross enrolment ratio			Primary education resources		1-year-old lacking immunization			Mortality		HIV prevalence (% ages 15-24)		Health-life expectancy (years)
	Primary (%)	Secondary (%)	Tertiary (%)	Pupil-teacher ratio	Trained teacher to teach	DTP (%)	Measles (%)	Under 5	Adult (per 1000 people)		F	M	
									F	M			
2001-2010			2005-2010		2009						2007		
<b>VHHD</b>													
UAE	105.4	95.2	30.4	15.6	100	8	8	7	66	84	---	---	68
Brunei	106.5	98.2	17.1	11.9	84.1	1	1	7	82	105	---	---	66
Qatar	105.9	85.2	10.2	11.2	48.9	1	1	11	48	69	<0.1	<0.1	67
Bahrain	106.6	96.4	51.2	---	---	2	1	12	87	127	---	---	66
<b>HHD</b>													
Saudi Arabia	98.9	96.8	32.8	11.4	91.5	2	2	21	102	186	---	---	62
Malaysia	94.6	68.7	36.5	14.6	--	5	5	6	95	175	<0.1	0.1	64
Kuwait	94.8	89.9	18.9	8.6	100	2	3	10	50	66	---	---	69
Libya	110.3	93.5	55.7	---	---	2	2	19	101	175	---	---	64
Kazakhstan	108.8	98.5	39.5	16.2	---	2	1	29	185	432	0.2	0.1	56
Albania	118.9	72.4	19.3	20.2	---	2	3	15	88	126	---	---	64
Lebanon	103.2	82.1	52.5	13.9	---	26	47	12	85	166	<0.1	0.1	62
Iran	102.8	83.1	36.5	20.3	98.4	1	1	31	90	144	<0.1	<0.1	61
Oman	83.9	91.3	26.4	11.8	100	2	3	12	85	157	<0.1	<0.1	65
Azerbaijan	95.1	99.4	19.1	11.1	99.9	27	33	34	134	221	0.1	<0.1	59
Turkey	99.3	82.0	38.4			4	3	20	73	134	<0.1	<0.1	66

<sup>40</sup> Lihat SESRIC, *Economic Growth and Convergence across the OIC Countries: An Econometric Framework*, (Ankara Centre: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC), 2013).

<sup>41</sup> Lihat Mohammad Habibullah Pulok, "Revisiting Health and Income Inequality Relationship: Evidence from Developing Countries", *Journal of Economic Cooperation and Development*, vol. 33, no. 4 (2012): 25-62.

<sup>42</sup> UNDP, *Human Development Report 2011*.

Tunisia	108.2	90.2	34.4	17.0	..	1	2	21	70	129	<0.1	<0.1	66
<b>MHD</b>													
Jordan	96.8	88.2	40.7	..	..	2	5	25	111	195	..	..	63
Algeria	107.7	96.5	30.6	23.0	99.3	7	12	32	105	135	<0.1	0.1	62
Turkmenistan	..	..	..	..	..	4	1	45	212	380	..	..	55
Suriname	113.8	75.4	12.3	16.0	100.0	13	12	26	124	217	0.4	0.6	61
Gabon	134.3	53.1	..	..	..	55	45	69	262	321	3.5	1.4	52
Maldives	111.0	83.7	---	12.7	74.1	2	2	13	70	97	<0.1	<0.1	64
Egypt	101.1	67.2	28.5	27.2	---	3	5	21	130	215	<0.1	<0.1	60
Palestine	78.9	87.1	45.7	28.0	100	---	---	30	---	---	---	---	---
Uzbekistan	91.8	103.5	9.8	17.1	100	2	5	36	139	220	<0.1	<0.1	59
Syria	122.2	74.4	---	17.8	---	20	19	16	95	159	---	---	63
Indonesia	120.8	79.5	23.5	16.6	---	18	18	39	143	234	<0.1	0.1	60
Kyrgyzstan	95.2	84.1	50.8	24.0	65.7	5	1	37	162	327	0.1	0.1	57
Tajikistan	102.2	84.4	19.8	22.7	88.3	7	11	61	160	183	<0.1	<0.1	57
Morocco	107.4	55.8	12.9	26.6	100	1	2	38	87	126	0.1	0.1	62
Iraq	102.5	51.5	15.5	17.0	---	35	31	44	145	292	---	---	54
<b>LHD</b>													
Pakistan	85.1	33.1	5.2	39.7	85.2	15	20	87	189	225	<0.1	0.1	55
Bangladesh	95.1	42.3	7.9	45.8	58.4	6	11	52	222	246	<0.1	<0.1	56
Cameroon	113.8	41.5	9.0	46.3	61.8	20	26	154	409	420	3.9	1.6	45
Yemen	85.4	45.7	10.2	---	---	34	42	66	180	237	---	---	54
Senegal	83.7	30.1	8.0	34.7	---	14	21	93	218	266	0.7	0.3	51
Nigeria	89.5	30.5	10.1	46.3	51.2	58	59	138	365	377	2.9	1.2	42
Mauritania	104.4	24.5	3.8	39.1	100	36	41	17	262	31.5	0.3	0.4	51
Uganda	121.6	27.4	4.1	49.3	89.4	36	32	128	348	539	4.8	2.3	42
Togo	115.2	41.3	5.3	41.3	14.6	11	16	98	278	338	2.2	0.9	51
Comoros	119.4	45.8	5.2	30.2	57.4	17	21	104	229	284	<0.1	<0.1	56
Djibouti	54.5	30.5	3.5	34.1	100	11	27	94	271	326	1.9	0.8	48
Benin	121.9	36.3	5.8	44.9	71.8	17	28	118	246	385	0.7	0.3	50
Gambia	84.7	55.7	4.6	36.6	---	2	4	103	246	296	2.4	0.9	51
Sudan	74.0	38.0	---	38.4	59.7	16	18	108	275	291	1.3	0.5	50
Cote d'Ivoire	73.6	26.3	8.4	42.1	100	19	33	119	456	528	1.5	0.7	47
Afghanistan	103.9	43.8	3.6	42.8	---	17	24	199	352	440	---	---	36
Mali	97.2	41.6	6.0	50.1	50	26	29	191	218	357	0.5	0.2	42
Guinea-Bissau	119.7	35.9	2.9	62.2	---	32	24	193	369	431	2	0.8	42
Guinea	89.8	37.0	9.2	43.7	73.1	43	49	142	337	474	0.9	0.4	47
Sierra Leone	85.1	26.5	2.0	---	---	25	29	192	363	414	1.5	0.6	35
Burkina Faso	79.2	21.4	3.4	47.8	86.1	18	25	166	262	443	0.8	0.5	43
Chad	89.7	24.1	2.0	60.9	34.6	77	77	209	384	412	2.5	1	40
Mozambique	115.7	25.5	1.5	58.5	75.9	24	23	142	434	557	8.6	3.1	42
Niger	66.6	13.3	1.4	38.6	96.7	30	27	160	224	229	0.5	0.2	44
Somalia	32.6	7.7	---	35.5	---	69	76	180	350	382	0.6	0.4	45

Rajah 6 menunjukkan data pendaftaran pendidikan sekolah rendah, menengah dan tinggi bagi semua kategori status negara anggota. Bagi negara anggota berstatus LHD untuk tahun 2001-2010 menunjukkan peratusan pendaftaran pendidikan adalah tinggi bagi sekolah rendah, sederhana bagi sekolah menengah dan sangat rendah bagi pengajian tinggi (universiti atau kolej). Terdapat beberapa negara yang menunjukkan peratusan yang rendah bagi pendaftaran sekolah rendah seperti Djibouti, Niger, Burkina Faso, Sudan dan Cote d'Ivoire. Tambahan pula 23 daripada 25 negara LHD mencapai tahap peratusan yang sangat rendah (kurang 10 peratus) bagi pendaftaran pengajian tinggi.

Data bagi nisbah murid-guru pula menunjukkan negara anggota LHD secara purata mencapai peratusan sebanyak 43.6. Ini menunjukkan negara LHD menghadapi masalah dalam menyediakan guru yang mencukupi di sekolah rendah. Berbeza dengan negara anggota VHHD dan HHD menunjukkan peningkatan dalam menyediakan guru yang mencukupi di sekolah rendah.

SESRIC (2010) menunjukkan statistik jumlah peratusan celik huruf di kalangan orang dewasa di negara anggota pada tahun 1999-2008 ialah 70.2 peratus di mana kurang hampir kepada 10 peratus bagi seluruh dunia (Rajah 7). Jika dikumpulkan negara anggota mengikut benua, ECA<sup>43</sup> dan EAP<sup>44</sup> mencapai peratusan celik huruf yang sangat tinggi iaitu 94 dan 92 peratus masing-masing. Manakala MENA<sup>45</sup> mencapai 74.4 peratus, dan selebihnya SSA<sup>46</sup> dan SA<sup>47</sup> menunjukkan peratusan yang rendah berbanding purata bagi seluruh dunia iaitu 56.6 dan 54.4 peratus masing-masing.

Kesimpulannya, kebanyakan negara yang berstatus LHD menghadapi masalah dalam pembangunan pendidikan, dan ini memberi impak yang negatif terhadap pembangunan ekonomi dan sosial di negara terbabit. Keadaannya berbeza di negara VHHD dan HHD kerana kebanyakannya telah mencapai standard pendidikan yang terbaik dan memberikan kesan yang tinggi kepada pembangunan. Namun negara anggota VHHD dan HHD hanya mewakili 26.8 peratus sahaja daripada keseluruhan negara anggota.

Rajah 7  
Average Adult Literacy Rates, 1999-2008.<sup>48</sup>

---

<sup>43</sup> Eropah dan Asia Tengah (Europe and Central Asia).


<sup>44</sup> Asia Timur dan Pasifik (East Asia and the Pacific).

<sup>45</sup> Timur Tengah dan Afrika Utara (Middle East and North Africa).

<sup>46</sup> Sub-Saharan Africa.

<sup>47</sup> Asia Selatan (South Asia).

<sup>48</sup> SESRIC, *Statistical Yearbook OIC Member Countries 2009*, (Ankara Centre: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries, 2010).




Bagi dimensi kesihatan pula, negara anggota LHD menunjukkan tahap kesihatan yang sangat lemah. Hubungan antara kesihatan-jangka hayat menunjukkan purata hanya 48 tahun sahaja. Ini disebabkan oleh peratus yang tinggi terhadap wabak dan penyakit. Ini dibuktikan dengan statistik bahawa kebanyakan negara mencapai lebih 1 peratus terhadap HIV di kalangan penduduk yang berumur 15-24 tahun. Negara yang terlibat ialah Cameroon, Nigeria, Uganda, Togo, Djibouti, Gambia, Sudan, Cote d'Ivoire, Guinea-Bissau, Sierra Leone, Chad, and Mozambique. Sementara itu Mozambique merupakan negara yang paling tinggi mencatatkan jumlah pesakit HIV iaitu sebanyak 11.7 peratus.

SESRIC (2011) melaporkan bahawa keadaan kesihatan yang lemah boleh menyebabkan masalah kepada krisis nutrisi. Rajah 8 menunjukkan perbandingan statistik kesihatan antara negara OIC dan dunia. Statistik menunjukkan peratusan yang membimbangkan pada kelahiran bayi yang kekurangan berat, kadar kematian di bawah umur 5 tahun dan kanak-kanak bawah 5 tahun yang menghadapi masalah tumbesaran.

Rajah 8  
Percentage of Comparative Health Statistics between OIC Member Countries and World.<sup>49</sup>


<sup>49</sup> Lihat SESRIC, *Early Childhood Care and Education in OIC Countries*, (Ankara Centre: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries, 2011).



### **Kadar Pengangguran**

Kadar pengangguran di negara anggota juga amat membimbangkan. Pengangguran adalah satu fenomena di mana seseorang itu tidak dapat bekerja atas faktor-faktor tertentu yang memberi kesan kepada pendapatan isi rumah dan gaya hidup. Statistik daripada SESRIC (2012) menunjukkan negara anggota mengalami masalah kadar pengangguran yang tinggi jika dibandingkan dengan dunia, negara membangun dan negara sedang membangun (2006-2010) (Rajah 9). Kadar pengangguran menunjukkan pengurangan dari segi peratusannya daripada tahun 2006 (9.9 peratus) kepada tahun 2008 (9.0 peratus). Walaubagaimana pun, disebabkan krisis kewangan melanda dunia (2009) menyebabkan kadar pengangguran meningkat kepada 9.7 peratus, namun peratusannya jatuh semula kepada 9.4 peratus pada tahun berikutnya (2010).

Rajah 9  
Total Unemployment Rate (percentage of Total Labor Force).<sup>50</sup>



## **PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL MELALUI PERSPEKTIF ISLAM**

Selepas merujuk laporan daripada UNDP terhadap pembangunan ekonomi dan sosial di negara anggota, dapat disimpulkan bahawa hanya segelintir negara yang mencapai tahap kemajuan. Tambahan pula ianya hanya merujuk kepada 26.8 peratus daripada semua negara anggota VHHD-HHD, manakala selebihnya masih jauh untuk mencapai tahap kemajuan. Dimensi yang digunakan UNDP adalah berasaskan kepada perspektif “deprivation” atau “kekurangan” di mana ianya diukur melalui indeks pembangunan manusia melalui pendidikan, kesihatan dan gaya hidup. Melalui laporan UNDP, negara MHD dan LHD menghadapi kekurangan dari segi pembangunan pendidikan, kesihatan dan gaya hidup. Di dalam bahagian ini, dibincangkan pembangunan ekonomi dan sosial melalui perspektif Islam, di mana dimensi Maqasid al-Shariah akan dijadikan teras kepada indeks pembangunan manusia.

### **Indeks Pembangunan Manusia Melalui Perspektif Maqasid al-Shariah**

Dimensi pemeliharaan 5 perkara daruriyyat menjadi asas kepada pengukuran pembangunan dalam menghuraikan aspek indeks pembangunan manusia melalui perspektif Maqasid al-Shariah. Berbanding perspektif UNDP yang mengukur indeks pembangunan manusia (HDI) melalui dimensi pendidikan, kesihatan dan gaya hidup, perspektif Maqasid al-Shariah mengukur indeks pembangunan manusia melalui pemeliharaan agama (al-din), nyawa (al-nafs), akal (al-‘aql), keturunan (al-nasl) dan harta (al-mal).

<sup>50</sup> SESRIC, *Annual Economic Report on the OIC Countries 2012*, (Ankara: The Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries, 2012).



Dimensi-dimensi ini dapat dikategorikan kepada 2 bahagian pembangunan iaitu (i) pembangunan material, dan (ii) pembangunan non-material. Pembangunan material adalah terdiri daripada dimensi pemeliharaan harta, manakala pembangunan non-material pula adalah terdiri daripada dimensi pemeliharaan agama, nyawa, akal dan keturunan. Justeru, perbezaan antara perspektif “deprivation” daripada UNDP agak kurang menyeluruh jika dibandingkan dengan pespektif Maqasid al-Shariah yang meliputi pembangunan material dan non-material.<sup>51</sup> Walaupun pembangunan non-material dilihat seakan tidak secara terus terarah kepada pembangunan ekonomi dan pembasmian kemiskinan, namun hakikatnya pembangunan non-material merupakan pembangunan manusia secara menyeluruh yang boleh menyumbang kepada melahirkan warganegara yang baik dan modal insan yang berkualiti tinggi. Oleh yang demikian, modal insan dapat dibangunkan dan sumber alam akan ditadbir oleh individu-individu yang mengikut nilai etika dan moral yang tinggi. Dan secara langsung dapat mewujudkan sumber pendapatan yang maksima kepada negara dan hasilnya dapat dimanfaatkan oleh rakyat di negara tersebut.

### **Pengiraan Indeks Pembangunan Manusia Melalui Perspektif Maqasid al-Shariah**

Kaedah pengiraan indeks untuk pembangunan manusia melalui perspektif Maqasid al-Shariah adalah dengan memperolehi indeks yang berkaitan dengan dimensi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Walaubagaimana pun, terdapat kekangan dalam mendapatkan indeks bagi sebahagian daripada dimensi tersebut. Oleh yang demikian, pengiraan indeks ini adalah dengan mengambil indeks yang telah sedia ada di HDI seperti dimensi nyawa, akal dan harta. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, HDI menggunakan dimensi pendidikan, kesihatan dan gaya hidup (ekonomi) dalam menentukan tahap pembangunan di setiap negara. 3 dimensi ini mempunyai definisi yang sama terhadap pemeliharaan akal (pendidikan), nyawa (kesihatan) dan harta (gaya hidup). Namun, agak sukar untuk mencari indeks yang memberi definisi pemeliharaan agama dan keturunan.

Kesukaran ini adalah disebabkan dimensi tersebut tidak dapat diukur kerana ianya bersifat subjektif dan kompleks, dan jika dapat diukur, keabsahannya boleh dipersoalkan. Secara umumnya, keturunan memberi definisi kepada pembangunan masyarakat melalui nilai kekeluargaan dan sosial mengikut pandangan Islam. Manakala agama memberi definisi tentang penghayatan, komitmen dan pelaksanaan terhadap ajaran Islam secara menyeluruh. Ianya perlu meliputi aspek kefardhuan kepada setiap individu Muslim seperti menuanaikan haji, solat (di masjid) membayar zakat, berpuasa di bulan Ramadan, infaq, sedekah dan wakaf. Atas faktor ketiadaan sumber, maka indikator lain diambil sebagai proksi yang boleh memberi definisi dan implikasi yang sama dengan dimensi agama dan keturunan.

Oleh yang demikian, indeks persepsi rasuah atau Corruption Perception Index (CPI) dilihat mampu memenuhi maksud yang ingin dicapai dalam memperolehi indeks dimensi agama dan kekeluargaan.<sup>52</sup> Ini adalah kerana Islam melarang umatnya melakukan kerosakan seperti

---

<sup>51</sup> Fakhri, 283.

<sup>52</sup> CPI merupakan indeks yang dikeluarkan oleh Transparency International (TI) untuk menilai tahap penyalahgunaan kuasa melalui amalan rasuah untuk kepentingan individu. CPI adalah indeks yang diambil melalui persepsi rasuah di sektor awam di mana kombinasi aggregatnya diambil daripada sumber-sumber maklumat rasuah di setiap negara. Kebanyak negara merujuk indeks ini untuk menilai tahap integriti sesebuah negara. Skala 0 (sangat

amalan rasuah, penipuan dan penyalahgunaan kuasa. Secara amnya, amalan yang dilarang ini berkait rapat dengan aspek kefahaman dan penghayatan dalam agama. Semakin tinggi kefahaman agamanya, maka semakin rendah amalan yang dilarang, dan semakin kurang kefahaman agamanya, maka semakin tinggi amalan yang dilarang. Justeru, indeks CPI digunakan sebagai proksi kepada dimensi agama dan kekeluargaan untuk menilai tahap pembangunan di negara anggota melalui perspektif Maqasid al-Shariah. Secara matematikanya, indeks pembangunan melalui perspektif Maqasid al-Shariah dirumuskan dengan mengambil 3 dimensi daripada HDI (kesihatan, pendidikan dan gaya hidup) dan indeks CPI (agama dan kekeluargaan). Pengiraan formula seperti yang dinyatakan di bawah.

$$\text{Indeks Maqasid al-Shariah} = \frac{1}{4} (\text{HDI} (3) + \text{CPI})$$

## **ANALISIS DATA DAN HASIL**

Rajah 10 menunjukkan kedudukan negara anggota berdasarkan skor, hasil daripada pengiraan Indeks Maqasid al-Shariah (IMS) bagi tahun 2011. Secara umumnya, hasil telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap komposisi diantara HDI dan IMS. Terdapat 4 kumpulan negara anggota berdasarkan kepada perbezaan kedudukan iaitu: (i) VHHD, (ii) VHD, (iii) MHD and (iv) LHD.<sup>53</sup>

Data yang terhasil menunjukkan kebanyakan negara anggota mengalami kemerosotan skor setelah mengambil kira petunjuk IMS berbanding HDI. Walaubagaimana pun, terdapat negara anggota yang masih kekal di dalam kedudukan skor HDI seperti UAE dan Qatar (VHHD) iaitu 0.805 dan 0.803 masing-masing. Namun, Brunei dan Bahrain jatuh ke kedudukan HHD apabila skor menunjukkan 0.759 dan 0.732 masing-masing.

Sekiranya nilai skor IMS digunakan untuk negara HHD, hasilnya tiada satu negara pun kekal di kedudukan tersebut, dimana kesemua negara HHD jatuh ke kedudukan MHD. Ini menunjukkan hanya Brunei dan Bahrain berada di kedudukan HHD. Sementara itu, kebanyakan negara MHD kekal berada di kedudukan yang sama setelah skor IMS menunjukkan nilai skor diantara 0.520 hingga 0.699. Walaubagaimana pun terdapat 3 negara anggota jatuh ke kategori LHD iaitu Kyrgyzstan, Tajikistan dan Iraq (0.514, 0.513 dan 0.475 masing-masing).

Bagi negara LHD pula, semua negara anggota kekal berada di kedudukan tersebut, malah skor IMS menunjukkan nilai yang lebih rendah daripada HDI. Tambahan pula, kesemua negara anggota menunjukkan skor kurang daripada nilai 0.500 untuk IMS. Ini menunjukkan bahawa pembangunan ekonomi dan sosial melalui perspektif Maqasid al-Shariah sangat lemah di kalangan negara LHD.

Sekiranya peratusan kedudukan negara VHHD-HHD dan MHD-LHD diambil kira melalui skor IMS, perbezaan antara keduanya amat ketara iaitu 7.4 peratus dan 92.6 peratus masing-masing. Ini memberi kesimpulan mudah bahawa umat Islam bukan sahaja mundur dari

---

korup) hingga 10 (sangat bersih). Rujuk Transparency International, *Corruption Perceptions Index* untuk kaedah dan perincian.

<sup>53</sup> (i) Very High Human Development (VHHD) dengan nilai skor HDI (0.790-1.000), (ii) High Human Development (HHD) dengan nilai skor HDI (0.700-0.789), (iii) Medium Human Development (MHD) dengan nilai skor HDI (0.520-0.699) and, (iv) Low Human Development (LHD) dengan nilai skor HDI (0.00-0.519).

aspek material malah mundur dari aspek non-material. Data yang ditunjukkan ini memberi isyarat yang jelas bahawa krisis ummah sangat membimbangkan kerana skor IMS mengambil kira kesemua dimensi Maqasid al-Shariah termasuk aspek ekonomi dan sosial.

Rajah 10  
 Indeks Maqasid al-Shariah 2011<sup>54</sup>

Country	HDI	CPI	IMS
<b>VHHD</b>			
UAE	0.846	0.680	0.805
Brunei	0.838	0.520	0.759
Qatar	0.831	0.720	0.803
Bahrain	0.806	0.510	0.732
<b>HHD</b>			
Saudi Arabia	0.770	0.440	0.688
Malaysia	0.761	0.430	0.678
Kuwait	0.760	0.460	0.685
Libya	0.760	0.200	0.620
Kazakhstan	0.745	0.270	0.636
Albania	0.739	0.310	0.632
Lebanon	0.739	0.250	0.617
Mauritius	0.728	0.510	0.674
Iran	0.707	0.270	0.598
Oman	0.705	0.480	0.649
Azerbaijan	0.700	0.240	0.585
<b>MHD</b>			
Turkey	0.699	0.420	0.629
Tunisia	0.698	0.380	0.619
Jordan	0.698	0.450	0.636
Algeria	0.698	0.290	0.596
Turkmenistan	0.686	0.180	0.560
Suriname	0.680	0.300	0.585
Gabon	0.674	0.300	0.581
Maldives	0.661	0.250	0.558
Egypt	0.644	0.290	0.556
Uzbekistan	0.641	0.160	0.521
Syria	0.632	0.260	0.539
Indonesia	0.617	0.300	0.538
Kyrgyzstan	0.615	0.210	0.514
Tajikistan	0.607	0.230	0.513
Iraq	0.573	0.180	0.475
<b>LHD</b>			
Pakistan	0.504	0.250	0.441
Bangladesh	0.500	0.270	0.443
Cameroon	0.482	0.250	0.424
Yemen	0.462	0.210	0.399
Senegal	0.459	0.290	0.417

<sup>54</sup> HDR 2011, CPI 2011, calculated.

Nigeria	0.459	0.240	0.404
Mauritania	0.453	0.240	0.400
Uganda	0.446	0.240	0.395
Togo	0.435	0.240	0.386
Comoros	0.433	0.240	0.385
Djibouti	0.430	0.300	0.398
Benin	0.427	0.300	0.395
Gambia	0.420	0.350	0.403
Sudan	0.408	0.180	0.351
Cote d'Ivoire	0.400	0.220	0.355
Afghanistan	0.398	0.150	0.336
Mali	0.359	0.280	0.339
Guinea-Bissau	0.353	0.220	0.320
Guinea	0.344	0.210	0.311
Sierra Leone	0.336	0.250	0.315
Burkina Faso	0.331	0.300	0.323
Chad	0.328	0.200	0.296
Mozambique	0.322	0.270	0.309
Niger	0.295	0.250	0.284

## **KESIMPULAN**

Bank Pembangunan Islam (BPI) adalah merupakan institusi kewangan Islam yang bermatlamat untuk meningkatkan ekonomi dan sosial umat Islam di negara-negara anggota OIC. Ia mempunyai hasrat yang cukup murni kerana Islam menyeru umatnya untuk saling bantu membantu antara satu sama lain dan mengeratkan hubungan persaudaraan sesama umat Islam. Penubuhan BPI pada tahun 1975 merupakan titik tolak kepada agenda pembangunan ekonomi dan sosial ummah di bawah kerjasama OIC. Namun, di sepanjang 3 dekad penubuhan BPI, tiada pelan dan program pembangunan yang komprehensif dilaksanakan. Ini mengundang kritikan daripada banyak pihak terutamanya pemerhati OIC dan penyelidik-penyelidik ekonomi yang menuntut pembaharuan dasar dalam melaksanakan pelan strategi pembangunan ekonomi dan sosial di negara anggota.

Pada tahun 2005, Visi 1440H (2020) diperkenalkan dengan agenda yang strategik untuk mencapai sasaran tertentu pada tahun 2020. Ia memberi anjakan positif terhadap tindakan untuk membantu umat Islam dalam meningkatkan ekonomi dan sosial di samping untuk membasmi kemiskinan. Oleh yang demikian, maka terdapat pelbagai program pembangunan dilaksanakan untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Sehingga hari ini, terdapat beberapa program yang telah dan sedang dilaksanakan iaitu: (i) IDB Infrastructure Fund (IIF) (2001), (ii) Islamic Solidarity Fund for Development (ISFD) (2007), (iii) Special Program for the Development of Africa (SPDA) (2008), (iv) Jeddah Declaration of Food Security (2008), (v) Youth Employment Support Program (YES) (2011), dan (vi) Member Country Partnership Strategy (MCPS) (2012).

Jika dilihat dari segi objektif kepada program-program tersebut, dapat disimpulkan bahawa polisi dan orientasi program yang dilaksanakan oleh BPI lebih menjurus kepada pembangunan ekonomi semata-mata atau material welfare. Hasil daripada analisis data daripada laporan UNDP menunjukkan bahawa negara-negara Islam mengalami kemerosotan dalam aspek ekonomi, pendidikan dan kesihatan, terutamanya negara-negara di Afrika Sahara. Program yang

spesifik telah dilaksanakan untuk membantu meningkatkan taraf hidup umat Islam di negara tersebut melalui program Special Program for the Development of Africa (SPDA). Begitu juga dengan masalah pengangguran yang sangat meruncing di negara-negara Arab, di mana BPI telah melaksanakan program yang spesifik untuk membantu belia-belua di negara Arab mendapatkan pekerjaan melalui program Youth Employment Support Program (YES).

Namun, setelah membuat analisis terhadap pembangunan Ekonomi dan Sosial melalui perspektif Maqasid al-Shariah, data Indeks Maqasid al-Shariah (IMS) telah menunjukkan bahawa kebanyakan negara anggota mengalami keruntuhan dalam aspek material dan non-material. Ini menunjukkan bahawa umat Islam sedang menghadapi krisis ekonomi dan pembangunan insan yang amat membimbangkan. Dalam menilai isu ini, BPI berperanan dalam mengenalpasti permasalahan yang berlaku di kalangan umat Islam. Ianya dapat membantu BPI untuk menilai kembali polisis dan orientasi program pembangunan yang bakal dilaksanakan.

Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa BPI perlu menambahbaik orientasi program pembangunan ekonomi dan sosial dengan mengambil kira pembangunan insan yang lebih komprehensif. Program pembangunan ekonomi perlu diseimbangkan dengan pembangunan insan kerana matlamat utama ekonomi Islam dan Maqasid al-Shariah ialah untuk mencapai keadilan sosial dan kejayaan (al-falah) di dunia dan di akhirat. Oleh yang demikian, BPI perlu mempergiatkan usaha untuk membangunkan dan memperkasakan sektor pendidikan dan menjalinkan usahasama dengan pihak kerajaan bagi setiap negara anggota dalam meningkatkan kualiti pendidikan terutama di kawasan luar bandar atau pedalaman. Ini adalah kerana pendidikan yang berkualiti merupakan faktor yang penting dalam meningkatkan modal insan yang boleh menyumbang kepada hasil pendapatan negara. Di samping itu, pendidikan juga dapat mendidik manusia untuk menjadi lebih berilmu dan menjauhkan diri mereka untuk melakukan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang mahu pun ajaran Islam itu sendiri.

BPI meletakkan sasaran utama mereka iaitu menurunkan kadar  $\frac{3}{4}$  kemiskinan yang tinggal kurang daripada \$1 sehari sebagai sasaran pada tahun 2020. Amat besar harapan umat Islam supaya BPI dapat mencapai sasaran ini, jika tidak kredibiliti bank ini akan dipersoalkan.

## **RUJUKAN**

Al-Quran al-Karim

Ahmad, A. (2000). *Economic Development in Islamic Perspective Revisited*. Review of Islam Economics. Leicester, Journal of the International Association for Islamic Economics and the Islamic Foundation.

Akram Laldin (2006). *Introduction to Shariah and Islamic Jurisprudence*. KL: Cert Publication.

Bensaid Benaouda (2000). *Theory of Maqāṣid and Social Sciences*. Unpublished Master thesis, International Islamic University Malaysia.

Chapra, M. U. (1979). *Objectives Of The Islamic Economic Order*. Leicester: The Islamic Foundation.

Chapra, M. U. (1992). *Islam and the Economic Challenge*. Leicester: The International Institute of Islamic Thought.

Chapra, M. U. ( 2008). *Muslim Civilization: The Causes of Decline and the Need for Reform*. UK: The Islamic Foundation.

Chapra, M. U. ( 2000), *The Future of Economics: An Islamic Perspective*. UK: Leicester: The Islamic Foundation.

Chaudhry, M.S. (1999). *Fundamentals of Islamic Economic System*. Lahore: Burhan Education and Welfare Trust Lahore.

Fakhri Sungit (2014). *Economic Development in the Muslim World: A Case Study of the Islamic Development Bank (IDB)*. Unpublished doctoral thesis, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), IIUM.

IDB (1999/00). *IDB Annual Report 1420H*. Jeddah: Islamic Development Bank.

IDB (2000/01). *IDB Annual Report 1421H*. Jeddah: Islamic Development Bank.

IDB (2001/02). *IDB Annual Report 1422H*. Jeddah: Islamic Development Bank.

IDB (2002/03). *IDB Annual Report 1423H*. Jeddah: Islamic Development Bank.

IDB (2003/04). *IDB Annual Report 1424H*. Jeddah: Islamic Development Bank.

IDB (2004/05). *IDB Annual Report 1425H*. Jeddah: Islamic Development Bank.

IDB (2005/06). *IDB Annual Report 1426H*. Jeddah: Islamic Development Bank.

- IDB (2006/07). *IDB Annual Report 1427H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2007/08). *IDB Annual Report 1428H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2008). *IDB Annual Report 1429H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2009). *IDB Annual Report 1430H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2010). *IDB Annual Report 1431H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2011). *IDB Annual Report 1432H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2012). *IDB Annual Report 1433H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2006). *Vision 1440H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2012). *Special Program for the Development of Africa (SPDA) Progress Report 2012*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2012). *The Role of IsDB Group in Supporting Employment Growth in Member Countries: Past Practices and Future Approach*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- Islamic Development Bank Group (2010). *Islamic Development Group in Brief, 2012*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- Mushtaq Ahmad (1995). *Business Ethics in Islam*, Pakistan: The International Institute of Islamic Thought Islamabad.
- Maududi, S. A. A. (1984). *Economic System of Islam*. Lahore: Islamic Publication Ltd.
- Mohammad Habibullah Pulok (2012). *Revisiting Health and Income Inequality Relationship: Evidence from Developing Countries*. Journal of Economic Cooperation and Development.
- Robert Nisbet. (1995). *History of the Idea of Progress*. New York: Basic Books.
- Sadeq Abul Hasan (2006). *Development Issues in Islam*. KL: International Islamic University Malaysia.
- SESRIC (2010). *Statistical Yearbook OIC Member Countries 2009*. Ankara Centre: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries.

- SESRIC (2011). *Early Childhood Care and Education in OIC Countries*. Ankara Centre: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries.
- SESRIC (2011). *Global Food Price Crisis: Impact on Food Security & Malnutrition in the OIC Member States*. Ankara Centre: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC).
- SESRIC (2012). *Annual Economic Report on the OIC Countries 2012*. Ankara: The Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries.
- SESRIC (2013). *Economic Growth and Convergence across the OIC Countries: An Econometric Framework*. Ankara Centre: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC).
- Transparency International (2011). *Corruption Perceptions Index 2011*. Berlin: TIS.
- UNDP (2000). *Human Development Report 2000*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2001). *Human Development Report 2001*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2002). *Human Development Report 2002*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2003). *Human Development Report 2003*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2004). *Human Development Report 2004*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2005). *Human Development Report 2005*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2006). *Human Development Report 2006*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2007/2008). *Human Development Report 2007/2008*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2009). *Human Development Report 2009*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2010). *Human Development Report 2010*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2011). *Human Development Report 2011*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2012). *Human Development Report 2012*. Oxford University Press, New York.
- Yusuf Qaradawi (1990). *Madkhal li Dirāsah al-Sharī'ah al-Islamiyyah*. Cairo: Maktaba Wahba.
- Z. Ahmed, M. Iqbal and M.F. Khan (1986). *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam*. Islamabad: IPS.



Zaman, A. (2008). *Islamic Economics: A Survey of the Literature*. UK: Religions and Development Research Programme Birmingham.